



جَانِنْ كَحَاكِيمْ شَرْعِيَّهْ مَلِيُسِيَا  
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA  
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62677 PUTRAJAYA

Tel: 03-8886 4800  
Fax: 03-8889 1627

---

JKSM/100-24/5 Jld. 3( 27 )

11 Jamadilakhir, 1426H/  
18 Julai, 2005M

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie  
Mahkamah-mahkamah Syariah  
Negeri-negeri

Arahan Amalan No.13 Tahun 2005  
Prosedur Pertukaran Jenis Kes Di Pertengahan Perbicaraan

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2005 pada 10hb.-12hb. April 2005 bersamaan 1hb.-3hb. Rabiulawal 1426H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung prosedur pertukaran jenis kes di pertengahan perbicaraan adalah seperti berikut:-

- (i) Pemohon atau wakil hendaklah mengemukakan permohonan samada secara lisan atau bertulis tertakluk kepada prosedur/tatacara yang sedang berkuatkuasa di Mahkamah Syariah;
- (ii) Mahkamah hendaklah mengekalkan fail asal kes tersebut namun kod kes hendaklah ditukar mengikut jenis kes yang dimaksudkan;
- (iii) Permohonan atau Saman yang telah ditukar itu hendaklah disampaikan kepada pihak-pihak seperti yang dikehendaki oleh undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Mahkamah Syariah seolah-olah Permohonan atau Saman itu baru dimulakan;
- (iv) Bagi pertukaran jenis kes dengan persetujuan kedua-dua belah pihak dan/atau wakilnya hendaklah memenuhi semua kehendak undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa di Mahkamah Syariah.

- (v) Dalam hal ini, rujukan bolehlah dibuat kepada Bahagian X -Pindaan Akta/Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2005.



(Datuk Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman)  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia